

Newspaper	Berita Harian
Date	12/5/2013

Transformasi lebih radikal

BH-12/5/2013

» Usaha peremajaan UMNO mesti disegerakan

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Proses peremajaan UMNO perlu berlaku lebih pantas dengan memperluaskan ruang kepada generasi muda, kumpulan profesional dan kelas menengah Melayu untuk bergiat lebih aktif dalam parti.

Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bukan saja kemasukan golongan itu ke dalam UMNO mesti dialu-alukan, malah mereka perlu dibimbing untuk mengambil peranan lebih besar dan seterusnya menerajui parti pada masa depan.

Justeru, beliau yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata UMNO perlu melalui satu proses transformasi politik yang lebih komprehensif dan radikal untuk menjadi parti politik Melayu Islam dan Malaysia dinamis, inklusif serta berawas, agar universal dari segi perjuangan tanpa melupakan objektif asal penubuhan.

"Hari ini, hasil usaha UMNO dan BN memajukan bangsa, lahir ramai kelas menengah Melayu berpendidikan tinggi, berkerjaya, tinggal di kota besar.

"Golongan ini berhadapan realiti baru kehidupan sebagai

"UMNO perlu melalui proses transformasi politik lebih komprehensif dan radikal untuk menjadi parti politik Melayu Islam dan Malaysia dinamis"

Muhyiddin Yassin,
Timbalan Presiden UMNO



masyarakat bandar, jauh berbeza dengan zaman awal penubuhan UMNO yang lebih tertumpu kepada masyarakat desa dan luar bandar.

"Golongan kelas menengah Melayu perlu disantuni oleh UMNO kerana mereka pasak kekuatan UMNO yang baru. Selain itu, generasi muda juga kelompok penting yang perlu didampingi secara lebih dekat oleh UMNO. Citra dan pemikiran mereka berbeza dengan generasi awal UMNO yang membina asas serta mencorak hala tuju perjuangan parti selama ini.

Dampingi generasi muda

"Dengan mendampingi golongan muda serta mengajak mereka untuk bersama-sama berjuang dalam UMNO, parti kita akan mendapat suntikan semangat dan idea baru," katanya dalam perutusan sempena sambutan ulang tahun

UMNO Ke-67, semalam.

Sambil bersyukur kepada Allah SWT, Muhyiddin berkata, ulang tahun UMNO kali amat istimewa kerana disambut ketika BN baru mencapai kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), sekali gus mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada jentera dan penyokong parti.

Hasil komitmen semua, katanya, kedudukan UMNO semakin kukuh dengan jumlah kerusi Parlimen dimenangi meningkat kepada 88 berbanding 79 pada PRU-12, manakala kerusi Dewan Undangan Negeri bertambah daripada 238 kepada 241, selain berjaya merampas Kedah dan mengekalkan kemenangan di semua negeri dimenangi pada 2008.

Beliau berkata, kemenangan itu memberi peluang kepada UMNO untuk terus berbakti kepada negara, di sam-

ping berusaha meningkatkan kepercayaan rakyat kerana parti sedar selepas 56 tahun menerajui Malaysia, UMNO dan BN berhadapan pelbagai cabaran yang muncul bersama-sama peredaran zaman.

"UMNO mempunyai tempoh lima tahun sebelum sekali lagi menghadapi pilihan raya bagi memperoleh mandat rakyat untuk terus menerajui negara. PRU-14 akan menjadi titik penentuan penting kelangsungan UMNO sebagai parti keramat orang Melayu.

"Dalam tempoh singkat ini, setiap peringkat kepimpinan UMNO dari Pusat, negeri hingga bahagian dan cawangan perlu bermuhasabah, melakukan pembedahan serta bertindak memastikan UMNO terus mengungguli perjuangan memartabatkan agama, bangsa dan negara tercinta," katanya.

Taat setia kepada parti

"Sempena ulang tahun UMNO ini, marilah kita menumpahkan taat setia tidak berbelah bahagi kepada parti, membekalkan sokongan padu kepada Presiden, Datuk Seri Najib Razak untuk terus menerajui parti dan negara. Marilah kita berdoa ke hadirat Allah SWT semoga perjuangan suci UMNO terus diberkati Allah," katanya.

Muhyiddin juga mengajak parti komponen BN turut melaksanakan proses perubahan lebih besar untuk diterima semua kaum, lebih peka untuk membina parti lebih berpadu serta membina kerjasama strategik dengan UMNO agar BN disokong dengan lebih kukuh oleh rakyat Malaysia.